

<http://www.america.gov/st/business-english/2010/April/20100426173828saikceinawz3.196353e-02.html?CP.rss=true>

26 April 2010

Usahawan Berkongsi Aspirasi dan Pengalaman di Sidang Kemuncak Keusahawanan



Oleh Andrzej Zwaniecki

Penulis Staf

Washington - Di sesetengah negara dan masyarakat, keusahawanan bukan nilai yang tertanam dalam kehidupan mereka. Sandiaga Uno dari Indonesia berkata beliau pertama kali mendengar perkataan "keusahawanan" ketika berada di kolej. Sejak itu, beliau telah memulakan sebuah syarikat ekuiti persendirian di Indonesia.

Suasana kondusif untuk perniagaan tidak cukup untuk menggalakkan perkembangan bidang keusahawanan. "Kita mesti ada budaya yang bersedia menerima usahawan sebagai agen perubahan," kata Jerry Yang, ketua eksekutif Yahoo, sebuah portal Internet.

Uno dan Yang adalah peserta Sidang Kemuncak Presiden Mengenai Keusahawanan di Washington pada 26-27 April yang bertujuan untuk mempromosikan keusahawanan sebagai cara yang paling berkesan untuk memanfaatkan tenaga dan kemahiran manusia seperti kata usahawan kelahiran Pakistan Naeem Zafar, "mereka ini tidak menunggu kerajaan untuk mewujudkan pekerjaan bagi mereka."

Apabila Rumah Putih menjemput delegasi-delegasi dari pelbagai penjuru dunia untuk hadir di sidang kemuncak, ia tidak menjangka kepelbagaian kumpulan yang akan datang ke Washington. Setelah mendengar maklumbalas daripada 7,000 orang, pentadbiran Obama menjemput 250 delegasi daripada 60 negara untuk membantu merealisasikan janji presiden yang dibuat dalam satu ucapan pada bulan Jun 2009 di Kaherah, menjadi tuan rumah kepada sidang kemuncak mengenai keusahawanan "untuk mengenalpasti bagaimana kita boleh memperkukuhkan hubungan antara pemimpin perniagaan, yayasan dan usahawan sosial di Amerika Syarikat dan komuniti Muslim di seluruh dunia."

Para jemputan juga termasuk usahawan daripada komuniti bukan Muslim. Namun kepelbagaian latar belakang mereka tidak berakhir di sana. Para delegasi ini terdiri daripada usahawan-usahawan terkemuka di peringkat antarabangsa dan serantau seperti Muhammad Yunus, bapa pembiayaan mikro, dan Mo Ibrahim, pengasas syarikat telekomunikasi yang paling berjaya di Afrika, serta usahawan-

usahawan yang dikenali hanya dalam komuniti tempatan mereka. Mereka bekerja sebagai perunding perniagaan, usahawan sosial dan pendidik. Usia mereka terdiri daripada belia berumur 20-an hingga pemilik perniagaan veteran berusia 79 tahun. Sesetengah mereka menulis tweet dan blog; sementara yang lain menyelesaikan masalah dalam komuniti tempatan mereka dengan berbincang bersama ketua dan pemimpin kaum mereka.

Sebahagian besar delegasi datang ke Washington dengan harapan yang sama - untuk belajar daripada satu sama lain, bertukar fikiran, untuk menjalin hubungan dengan rakan-rakan Amerika mereka dan untuk mendapatkan sokongan bagi perusahaan mereka. Bagi Amadou Baro, yang mengasaskan kumpulan bukan berasaskan keuntungan di Mauritania, sidang kemuncak ini adalah satu peluang yang tidak harus disia-siakan. Biasanya, "kami tidak tahu apa yang jiran kami di Senegal lakukan," katanya.



Zafar, seorang usahawan kelahiran Pakistan yang memulakan enam bidang perniagaan berteknologi tinggi di Lembah Silikon di California, mengatakan bahawa usahawan-usahawan ini akan menjalin hubungan perniagaan. "Apa yang perlu dilakukan adalah menempatkan mereka di bilik yang sama dan tinggalkan mereka," katanya.

Craig Newmark, pengasas Craigslist, yang juga hadir dalam sidang kemuncak ini berkata, "Jika kita mempertemukan mereka dan terus berinteraksi dengan mereka, membuat tindakan susulan dan terus melakukan lebih banyak tindakan susulan, jalinan-jalinan ini akan berkembang daripada akar umbi."

Kebanyakan delegasi yang hadir ini memulakan perniagaan mereka bukan hanya untuk mendapat untung, tetapi untuk membantu masyarakat mereka. Daripada perbualan para delegasi dan pertanyaan kepada para panelis, jelas sekali mereka berkongsi tujuan untuk melakukan perubahan positif dalam komuniti mereka. Mereka yang bekerja untuk memperkasakan wanita dan mengasah potensi keusahawanan mereka sangat vokal dalam memperjuangkan apa yang mereka buat. (Lihat blog [New Enterprise](#) untuk membaca pandangan mereka.) Usahawan-usahawan wanita dari pelbagai negara seperti Afghanistan, Albania dan Qatar percaya Islam tidak menghalang wanita daripada memainkan peranan lebih aktif dalam komuniti perniagaan mereka.

Para usahawan wanita yang berjaya di sidang kemuncak berbicara tentang mewujudkan peluang pendidikan kepada anak-anak gadis, membantu wanita memulakan perniagaan dan berkhidmat sebagai mentor dan contoh tauladan. Núría Farah adalah salah seorang delegasi yang hadir. Beliau adalah wanita pertama dari wilayah timur laut dan miskin di Kenya mendapat ijazah universiti. Bersama dengan wanita-wanita terkemuka lain, beliau kemudian membuka sebuah sekolah asrama untuk anak-anak gadis di daerah beliau.

Kejayaan ramai usahawan wanita dan lelaki di negara-negara membangun ini selalunya dicapai dengan kerja keras. Nasra Malin, pengasas bersama sebuah syarikat telekomunikasi besar di Somalia, perlu berdepan dengan cubaan peras ugut dan ancaman keganasan yang ditujukan pada perniagaannya.

Saudara kepada Masooma Habibi, pengasas bersama sebuah syarikat perunding di Afghanistan, diculik oleh Taliban semasa dalam perjalanan perniagaan.

Tapi kebanyakan usahawan yang berada di sidang kemuncak ini mampu mengubah kegagalan atau hambatan kepada peluang. Tri Mumpuni, yang menubuhkan satu syarikat penjana tenaga tenaga hidroelektrik ke desa-desa di seluruh Indonesia, menawarkan latihan kepada bekas pemberontak untuk membuat bahagian-bahagian untuk turbin.

Koresponden khas Christopher Connell dan Katherine Lewis juga menyumbang untuk artikel ini.